A

Pendakwa Raya lwn Mohd Jazree bin Jaafar dan satu lagi

B MAHKAMAH TINGGI (KANGAR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45(B)-02–01 TAHUN 2016
ABU BAKAR PK
14 JUN 2018

C *Undang-Undang Jenayah — Pembunuhan — Alibi — Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie — Sama ada inti pati pertuduhan dipenuhi — Sama ada pembelaan alibi boleh diterima — Sama ada terdapat niat bersama antara tertuduh-tertuduh untuk melakukan pembunuhan — Kanun Keseksaan ss 34 & 302*

D

Tertuduh pertama dan kedua dituduh membunuh, satu kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama-sama s 34 Kanun yang sama. Si mati ditemui dalam keadaan terapung dan tangannya terikat, di muara sungai. Melalui saksi-saksi yang dipanggil, pihak pendakwaan mengemukakan keterangan bahawa: (a) tertuduh pertama dan kedua hadir bersama-sama si mati rumah tertuduh pertama dan mereka adalah orang terakhir bersama si mati; (b) kedua-dua tangan si mati telah diikat bagi menghadkan pergerakan si mati daripada menyelamatkan diri; (c) si mati telah dibawa dari rumah tertuduh pertama ke Jalan Dato' Ali dengan menggunakan kereta Proton Saga; (d) segala perbuatan ini tidak boleh dilakukan seorang diri; dan (e) tertuduh pertama dan kedua telah mencampakkan si mati ke dalam sungai dan dibawa arus ke muara Kuala Perlis hinggalah mayatnya ditemui. Berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie, tertuduh pertama dan kedua dipanggil membela diri. Pembelaan tertuduh pertama dan kedua adalag berbentuk alibi. Menurut mereka pada tempoh masa kejadian pembunuhan yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan, mereka tidak berada di tempat kejadian. Sebaliknya, mereka beradi di rumah SD3 di Perlis. SD3 menyatakan bahawa tertuduh pertama dan kedua tidak pernah pada bila-bila masa semasa beradi di rumahnya, keluar dari rumah tersebut. SD3 juga menyatakan memegang satu kunci dan ini tidak memungkinkan tertuduh pertama dan kedua keluar tanpa pengetahuan SD3.

E

F

G

H

Diputuskan, mendapati tertuduh pertama dan kedua bersalah, mensabitkan kedua-duanya atas kesalahan dan menjatuhkan hukuman mati atas kedua-duanya:

I

(1) Keterangan SD3 bercanggah dengan keterangan SP7. Keterangan SD3 yang mengatakan tertuduh kedua tidak keluar rumah pada hari kejadian adalah satu pembohongan. SP7, secara jujurnya, menyatakan ada

berjumpa dengan tertuduh kedua pada jam 4 pagi untuk menjual telefon bimbit si mati. Secara tidak langsung, keterangan tertuduh pertama dan kedua, yang menyatakan mereka sentiasa berada di rumah SD3 tidak boleh dipercayai. Ada kemungkinan tertuduh pertama dan kedua keluar dari rumah SD3 antara masa 2 pagi hingga 6 pagi tanpa pengetahuan SD3 (lihat perenggan 101).

(2) Jarak antara rumah tertuduh pertama dan rumah si mati adalah 20km. Tertuduh pertama dan kedua, secara bersama, membawa si mati menggunakan kereta Proton Saga dan membuangnya di Sungai. Tempoh masa ini memadai untuk tertuduh pertama dan kedua melakukan pembunuh dan kembali ke rumah SD3 sebelum SD3 bangun pada jam 6 pagi (lihat perenggan 101).

(3) SD3 ialah kakak tertuduh kedua dan merupakan saksi berkepentingan. Keterangannya harus diteliti dengan berhati-hati. Keterangan SD3 bahawa hanya ada satu kunci yang dipegang olehnya agak meragukan kerana tertuduh kedua tinggal bersama-samanya. SD3 sekadar menyokong pembelaan alibi. Sekiranya benar tertuduh pertama dan kedua berada di rumahnya dalam tempoh pembunuhan, SD3 sepatutnya membuat laporan polis secepat mungkin memberitahu fakta ini. Dia hanya membangkitkan kononnya tertuduh pertama dan kedua berada di rumahnya sepanjang malam di peringkat pembelaan (lihat perenggan 103).

(4) Tertuduh pertama dan kedua merupakan orang terakhir bersama-sama si mati. Mereka telah, secara niat bersama, melakukan pembunuhan atas si mati. Pembelaan tertuduh pertama dan kedua gagal menimbulkan keraguan munasabah atas kes pendakwaan. Tertuduh pertama dan kedua didapati bersalah, disabitkan atas kesalahan dan dijatuhkan hukuman mati (lihat perenggan 107).

[English summary

The first and second accused persons were charged with murder, an offence under s 302 Penal Code, read together with the s 34 of the same Code. The deceased was foung floating and his hands tied, at the mouth of the river. Through the witnesses called, the prosecution submitted evidence that: (a) the first and second accused persons were present with the deceased at the home of the first accused and they were the last to be with the deceased; (b) both of the deceased's hands were tied to limit the movements of the deceased from escaping; (c) the deceased was taken from the first accused's home to Jalan Dato' Ali using a Proton Saga; (d) these acts could not be done alone; (e) the first and second accused had dumped the deceased into the river and the deceased's body was carried by stream to the estuary of Kuala Perlis until his body was found. Satisfied that the prosecution has proven a prima facie case, the first and second accused persons were called to enter their defence. The first

A and second accused defence was one of alibi. According to them, during the period of the murder, as mentioned in the amended charge, they were not at the scene. On the contrary, they were at SD3's house in Perlis. SD3 stated that the first and second accused persons, did not, during their stay at her house, leave the house. SD3 also stated that she held the key and this would not allow the B first and second accused persons to go out without SD3's knowledge.

Held, finding the first and second accused guilty, convicting both of them of the offence and sentencing them to death:

C (1) SD3's evidence contradicted that of SP7. SD3's testimony that the second accused did not leave the house on the day of the incident was a lie. SP7, honestly, said he had met the second accused at 4 am to sell the cell phone belonging to the deceased. Indirectly, the first and second accused persons' evidence that they were at SD3's house at all times, D could not be believed. It was possible that the first and second accused left SD3's house between 2am to 6am without SD3's knowledge (see para 101).

(2) The distance between the first accused's house and the deceased's house E was 20km. The first and second accused, together, brought the deceased using the Proton Saga car and threw him into the River. This period was sufficient for the first and second accused to commit a murder and to return to SD3's housed before SD3 woke up at 6am (see para 101).

F (3) SD3 was the sister of the second accused and was an interested witness. Her evidence ought to be carefully scrutinised. SD3's evidence that there was only one key held by her was quite doubtful as the second accused lived with her. SD3 merely supported the defence of alibi. If the first and second accused were at her house during the murder, SD3 should have G lodged a police report as soon as possible to inform this fact. She only informed that the first and second accused were at her house all night during the defence's stage (see para 103).

(4) The first and second accused persons were the last persons with the H deceased. They had, with common intention, committed the murder of the deceased. The defence of the first and second accused persons failed to cast a reasonable doubt on the prosecution's case. The first and second accused persons were found guilty, convicted of the offence and sentenced to death (see para 107).]

I **Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai pembunuhan secara am, lihat 4(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 1847–1993.

Kes-kes yang dirujuk

(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v PP [1987] 2 MLJ 336; [1987] CLJ Rep 241 ; [1987] 1 CLJ 540, MA (dirujuk)
Ahmad Najib bin Aris v PP [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800, MP (dirujuk)
Ashok v State of Maharashtra [2015] 4 SCC 393, MA (dirujujk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)
Chung Kum Moey v Public Prosecutior [1967] 1 MLJ 205; [1966] 1 LNS 39, PC (dirujuk)
Farose bin Tamure Mohamad Khan v PP and other appeals [2016] 6 MLJ 277; [2016] 9 CLJ 769, MP (dirujuk)
Ho Sek Kong v PP [2011] 5 MLJ 359; [2011] 6 CLJ 522, MR (dirujuk)
Kamis v PP [1975] 1 MLJ 46; [1974] 1 LNS 59, MP (dirujuk)
Magendran a/l Mohan v PP [2011] 6 MLJ 1; [2011] 1 CLJ 805, MP (dirujuk)
Mat v PP [1963] 1 MLJ 263; [1963] 1 LNS 82 (dirujuk)
Mohd Azam Raja Abdullah v PP [2015] MLJU 2128; [2015] 1 CLJ 1080, MR (dirujuk)
Muidin bin Maidin lwn Pendakwa Raya [2015] 3 MLJ 236; [2014] 1 LNS 1550, MR (dirujuk)
Munesuaran a/l Ramasamy lwn Pendakwa Raya [2015] MLJU 1958; [2016] 2 CLJ 210, MR (dirujuk)
Pendakwa Raya v Mohd Radzi Abu Bakar [2005] MLJU 504; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 LNS 115 (dirujuk)
PP v Shahrael Amir Suhaimi [2014] 7 CLJ 380, MR (dirujuk)
Rajamorgan a/l Marimuthu v PP [2014] 5 MLJ 565; [2014] 6 CLJ 850, MR (dirujuk)
Tham Kai Yau & Ors v PP [1977] 1 MLJ 174; [1976] 1 LNS 159, MP (dirujuk)
Zahidah bt Ahmad v PP [2017] 3 MLJ 235; [2017] 1 LNS 103, MR (dibeza)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 27
Kanun Keseksaan ss 34, 300, 300(a), (b), (c), (d), 302, 320
Kanun Tatacara Jenayah ss 180(1), 402A, 402A(3), (3)(a), (3)(b), (4)

Badius Zaman bin Hj Ahmad (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis) bagi pihak perayu.
Zamri bin Ibrahim (Zamri Ibrahim & Co) bagi pihak responden pertama.
Zuhair bin Ahmad Zakuan (Haffiz Zuhair Adawiah & Co) bagi pihak responden kedua.

Abu Bakar PK:

PENGENALAN

[1] Mohd Jazree bin Jaafar ('T1') dan Mohd Naim bin Man ('T2') telah dituduh atas pertuduhan pindaan ('P98') yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu berdua bersama-sama, di antara pada 10.9.2015 jam lebih kurang 7.45 pagi sehingga 11.9.2015 jam lebih kurang 9.00 pagi, di Kampung Tanah Baru, Kuala Perlis di dalam daerah Kangar, di dalam Negeri Perlis, telah membunuh BINCHARONG a/l AMNOT (KPT: 920409-09-5087), dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun yang sama.

[2] T1 dan T2 tidak mengaku bersalah atas pertuduhan pindaan tersebut. T1 diwakili peguamnya iaitu Encik Zamri bin Ibrahim daripada Tetuan Zamri Ibrahim & Co. T2 pula diwakili oleh peguamnya iaitu Encik Zuhair bin Ahmad Zakuan daripada Tetuan Hafiz Zuhair Adawiah & Co. Perbicaraan penuh telah dijalankan dan di akhir perbicaraan T1 dan T2 bersalah dan disabitkan atas pertuduhan pindaan ('P98'). Saya memerintahkan T1 dan T2 digantung dileher sehingga mati pada tarikh, masa dan tempat yang ditentukan.

[3] T1 dan T2 yang terkilan dengan keputusan saya telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia atas sabitan.

FAKTA KES UNTUK PENDAKWAAN

[4] Secara ringkas kes pendakwaan yang dibentangkan sepanjang perbicaraan seperti berikut: L/Kpl Mohamad Azizul Fitri bin Senayan ('SP1') yang bertugas sebagai anggota Tugas Am di Balai Polis Kuala Perlis pada 11 September 2015, jam lebih kurang 9.15 pagi menerima panggilan telefon daripada orang awam menyatakan menemui satu mayat yang terapung di muara sungai Kampung Tanah Baru, Kuala Perlis. SP1 kemudiannya telah membuat laporan polis berkaitan penemuan mayat ini sebagaimana Kuala Perlis Report No 2444/15 ('P1').

[5] Mahazir bin Maidinsha ('SP4') semasa bersarapan pagi di atas pelantar bot di Kampung Tanah Baru, telah nampak objek terapung berwarna gelap pada jarak 30 meter. SP4 menaiki bot dan menghampiri objek dan disahkan mayat manusia dalam keadaan tertonggeng. Mayat itu berambut pendek warna hitam dan memakai berbaju *t-shirt* lengan pendek berwarna hijau. SP4 kemudiannya telah melaporkan ke Pengkalan Maritim Kuala Perlis.

[6] Mohd Saifuddin bin Md Din ('SP5') telah mengesahkan ada menerima

makluman dari orang awam berkaitan penemuan mayat di muara sungai Kuala Perlis. SP5 kemudiannya menaikkan mayat ke atas Jeti Kastam, Kuala Perlis. SP5 mengesahkan kedua-dua tangan mayat terikat dibahagian hadapan dengan tali nylon berwarna kebiru-biruan. SP5 telah melaporkan penemuan mayat ini ke pihak polis. SP5 telah membawa mayat ini ke Jeti Jabatan Kastam Di Raja Malaysia, Kuala Perlis.

[7] Mayat itu kemudiannya dimasukkan dalam *land rover* dan dibawa ke Balai Polis Kuala Perlis untuk tindakan selanjutnya.

[8] Mayat kemudiannya telah dicam dan disahkan sebagai Bincharong a/l Amnot (si mati) oleh ahli keluarganya (SP8 dan SP10).

[9] Dr Nor Amirah bt Ahmad ('SP14'), Pakar Perubatan Forensik, Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah Darul Aman telah menjalankan bedah siasat ke atas si mati pada 12 September 2015 jam lebih kurang 12 tengah hari hingga 3 petang. SP14 telah menyediakan laporan bedah siasat (*post-mortem*) ('P35'). SP14 dalam P35 telah menyatakan 'cause of death: Unascertained'.

MERIT KES PENDAKWAAN

[10] Sebelum saya menyentuh merit kes pendakwaan, eloklah dijenguk kembali nas-nas duluan yang menggariskan tugas Mahkamah di akhir kes pendakwaan. Saya merujuk kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 yang menyatakan:

> Section 180(1) makes it clear that the standard of proof on the prosecution at the close of its case is to make out a prima facie case while s 182A(1) enunciates that at the conclusion of the trial the court shall consider all the evidence adduced and decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt. The standard of proof on the prosecution at the end of its case and at the end of the whole case has thus been statutorily spelt out in clear terms. The submission made must therefore be ratiocinated against the background of the meaning of the phrase'prima facie case' in s 180. Section 180(2) provides that the court shall record an order of acquittal if a prima facie case has not been made out while s 180(3) provides that if a prima facie case has been made out the accused shall be called upon to enter his defence. A prima facie case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal. The phrase 'prima facie case' is defined in similar terms in *Mozley and Whiteley's Law Dictionary*, 11th Ed as:
>
> > A litigating party is said to have a prima facie case when the evidence in his favour is sufficiently strong for his opponent to be called on to answer it. A prima facie case, then, is one which is established by sufficient evidence, and can be overthrown only by rebutting evidence adduced by the other side.

[11] Saya turut merujuk kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457 yang menyatakan:

> The steps that should be taken by the trial court at the close of the prosecution's case; The close of the prosecution's case, subject to the evidence led by the prosecution in its totality to maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from the evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused.

[12] Saya juga turut merujuk peruntukan s 180(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') yang memperuntukan seperti berikut:

> (1) When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused.

[13] Berbekalkan prinsip-prinsip yang diputuskan dalam nas-nas duluan dan peruntukan s 180(1) KTJ, saya akan meneliti secara maksima keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan di akhir kes pendakwaan. Pendakwaan perlu membuktikan setiap inti pati kesalahan di bawah s 320 Kanun Keseksaan ('Kanun itu') iaitu:

(a) Bincharong a/l Amnot (si mati) telah meninggal dunia;

(b) kematian si mati disebabkan perbuatan T1 dan T2;

(c) perbuatan tertuduh yang menyebabkan kematian si mati dilakukan di bawah mana-mana satu cabang (a), (b), (c) atau (d) kepada s 300 Kanun itu; dan

(d) T1 dan T2 melakukan perbuatan di (b) secara niat bersama di bawah s 34 Kanun itu.

Bagi inti pati (a):

[14] Pendakwaan perlu membuktikan inti pati (a) iaitu Bincharong a/l Amnot telah meninggal dunia. Saya merujuk penghujahan bertulis timbalan pendakwa raya ('TPR') yang terpelajar, nampaknya beliau tidak menyentuh isu (a) ini. Begitu juga peguam T1 yang terpelajar dalam hujahannya tidak menyentuh isu ini. Sebaliknya peguam T2 yang terpelajar secara jujur menyatakan pihaknya tidak mempertikaikan si mati ialah Bincharong a/l Amnot.

[15] Saya berpendapat eloklah disaring semula keterangan kes pendakwaan sama ada identiti si mati telah dibuktikan. Saya merujuk keterangan Dr Nor Amirah bt Ahmad ('SP14') yang telah menjalankan bedah siasat atas mayat si mati pada 12 September 2015 pada jam 12 tengahari hingga 3.30 petang.

SP14 dalam keterangannya telah mengesahkan mayat si mati yang telah dilakukan bedah siasat. SP14 turut mengesahkan mayat Bincharong a/l Amnot melalui gambar-gambar semasa bedah siasat dijalankan iaitu P15. SP14 dalam keterangannya menyatakan:

S: Post mortem yang kamu buat, kalau saya tunjukkan kamu boleh camkan gambar?

J: Ya, saya boleh camkan.

S: Merujuk saksi ini kepada P15. Berdasarkan gambar-gambar post mortem yang telah diambil dan kamu telah menjalankan pemeriksaan tersebut.

J: Ya,saya camkan.

(Nota Keterangan — muka surat (312)).

[16] Saya turut menimbangkan keterangan pegawai polis yang diarahkan untuk hadir bagi menyaksikan bedah siasat dijalankan oleh SP14 iaitu Insp Faridah bt Daud ('SP18'). SP18 dalam keterangannya menyatakan pengecaman atas mayat si mati telah dilakukan oleh ahli keluarga si mati iaitu adik si mati ('SP6') dan ibu si mati ('SP10'). SP18 telah menyatakan seperti berikut:

S: Untuk tujuan post-mortem?

J: Ya, untuk tujuan post-mortem mayat tersebut. Jam lebih kurang 6.45 petang, petugas hospital beritahu kepada saya bahawa bedah siasat akan dibuat keesokan hari, jam lebih kurang pukul 9.30 pagi. Jadi saya maklumkan semula kepada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Kangar (KBSJD) pada ketika itu ASP Sabtu, arahan beliau untuk saya hadiri proses bedah siasat. Jadi pada keesokan hari, 12/9/2015 jam lebih kurang 8.10 pagi, saya ke Hospital Sultanah Bahiyah. Dalam jam lebih kurang pukul 10.25 pagi, pengecaman dibuat ke atas mayat oleh mak dan adik si mati. Dan mak beliau mengesahkan bahawa mayat tersebut adalah anak dia bernama Bincharong a/l Amnot. Jam lebih kurang pukul 12.00 tengahari, proses untuk bedah siasat itu dijalankan oleh Doktor Nor Amirah ...

...

Pada hari yang sama, saya serahkan mayat kepada pewaris lebih kurang pukul 5.25 petang kepada bapa si mati.

(Nota Keterangan — muka surat (372)–(373))

[17] Saya turut merujuk keterangan SP18 yang mengesahkan mayat si mati melalui gambar-gambar semasa bedah siasat dijalankan. SP18 menyatakan:

S: Semasa proses bedah siasat itu dibuat dan kamu beritahu tadi ada mengarahkan anggota untuk mengambil gambar, gambar tersebut kalua saya tunjukkan kamu boleh camkan?

J: Ya, saya boleh camkan gambar tersebut.

S: Pohon rujuk saksi kepada P15 gambar 1 hingga 121. Kamu camkan?

J: Ya, saya camkan gambar-gambar post-mortem tersebut.

(Nota Keterangan — muka surat (374)).

[18] Saya turut menimbangkan keterangan adik si mati iaitu Anitsaramintra a/p Amnot ('SP6') yang mengesahkan mayat Bincharong a/l Amnot. SP6 dalam keterangannya menyatakan:

S: Berkaitan dengan mayat abang kamu, kamu ada pergi ke hospital untuk buat pengecaman?

J: Ya, saya ada pergi ke hospital.

S: Pohon untuk rujuk gambar 1 dan gambar 4 sahaja dalam P15 1-21, adakah ini gambar semasa di hospital?

J: Ya, betul.

S: Ada gambar kamu dalam gambar tersebut?

J: Ya, betul.

S: Masa itu untuk hadir mengecam mayat?

J: Ya, betul.

S: Gambar nombor 4 itu adalah gambar mayat itu? Betul, gambar mayat abang kamu?

J: Ya, betul.

(Nota Keterangan — muka surat (39))

[19] Saya turut menimbangkan keterangan emak si mati iaitu Amnuai Thepkhao ('SP10') yang dapat mengecam mayat si mati melalui kesan 'tatto' berbentuk gambar harimau yang terdapat dibahagian dada si mati dan bahagian belakang badan si mati.

[20] Berdasarkan keterangan SP14, SP18, SP6 dan SP10, saya berpendapat pendakwaan telah membuktikan identiti si mati iaitu Bincharong a/l Amnot. Pendakwaan telah berjaya membuktikan inti pati (a) bagi kesalahan di bawah s 302 Kanun itu.

Bagi inti pati (b)

[21] Pendakwaan perlu membuktikan perbuatan T1 dan T2 telah menyebabkan kematian kepada Bincharong a/l Amnot. Pendakwaan juga bergantung kepada peruntukan s 34 Kanun itu bagi mengaitkan T1 dan T2 dalam pembunuhan si mati pada tarikh dan masa yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan ('P98').

[22] Saya bersetuju dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, tiada saksi mata yang nampak T1 dan T2 merupakan orang yang bersama-sama

melakukan pembunuhan iaitu mencampakan si mati ke dalam sungai dalam keadaan tangan si mati diikat dibahagian hadapan dengan tali nylon. Saya berpendapat pendakwaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan (*circumstantial evidence*) bagi mengaitkan T1 dan T2 yang melakukan pembunuhan ke atas si mati Bincharong a/l Amnot.

[23] Sebelum saya menyentuh lebih lanjut, eloklah dirujuk nas-nas duluan yang menyentuh keterangan ikut keadaan (*circumstancial evidence*) bagi mengaitkan seseorang tertuduh dengan kesalahan yang dilakukan.

[24] Saya sekadar merujuk beberapa nas-nas duluan untuk dijadikan panduan dalam merungkai isu sebegini.

[25] Saya merujuk kes *Kamis v Public Prosecutor* [1975] 1 MLJ 46; [1974] 1 LNS 59 yang menyatakan seperti berikut:

> As regards the case for the prosecution, the learned Judge reminded the jury over and over again that 'for a Court to rely on circumstantial evidence the evidence when considered must point only to the guilt of the accused; it must not be capable of any other interpretation or any other meaning'.

[26] Selanjutnya saya merujuk kes *Munesuaran a/l Ramasamy lwn Pendakwa Raya* [2015] MLJU 1958; [2016] 2 CLJ 210 di mana YA Tengku Maimun Tuan Mat HMR menzahirkan pandangannya seperti berikut:

> [21] Apabila kes pendakwaan adalah bergantung kepada keterangan ikut keadaan, keterangan yang telah dibuktikan hendaklah menunjukkan dengan nyata kepada satu dan hanya satu kesimpulan, iaitu kebersalahan tertuduh (lihat *Magendran a/l Mohan v Public Prosecutor* [2011] 6 MLJ 1; [2011] 1 CLJ 805; *Abdul Samid bin Edward v Public Prosecutor* [2015] 4 MLJ 58; [2015] 4 CLJ 149).
>
> (Sila rujuk nas-nas lainnya yang menyentuh keterangan ikut keadaan yang dirujuk oleh peguam T1 yang terpelajar dan peguam T2 yang terpelajar iaitu kes *Public Prosecutor v Rosli bin Kaya* [2017] MLJU 96 dan *Public Prosecutor v Hanif Basree bin Abdul Rahman* [2007] 2 MLJ 320; [2007] 2 CLJ 33).

[27] Berbekalkan prinsip-prinsip yang dinyatakan di atas, saya akan meneliti keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan bagi mengaitkan T1 dan T2 dengan pembunuhan si mati pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan ('P98').

[28] Pendakwaan bergantung kepada keterangan Rahim bin Ibrahim ('SP11') diawal kejadian sebelum si mati dibawa balik ke rumah T1 bersama T2. Peguam T1 yang terpelajar dan peguam T2 yang terpelajar dalam hujahannya secara panjang lebar menegaskan keterangan SP11 perlu diteliti lebih berhati-hati kerana SP11 merupakan rakan sejenayah (*accomplice*). SP11

dihujahkan saksi yang mempunyai motif tersendiri apabila si mati berkawan rapat dengan Nor Hidayah bte Idris ('SP12').

[29] Saya telah meneliti keterangan SP11 secara keseluruhannya sebelum memutuskan SP11 seorang rakan jenayah atau sebaliknya. Semasa di hadapan rumah SP11, SP11 nampak si mati dipukul dengan spanar oleh T1. Semasa SP11 berada di rumah OKT, SP11 nampak T1 memukul si mati dengan tangan dibahagian badan si mati. SP11 merupakan saksi mata yang menyaksikan kejadian yang berlaku di hadapan rumah SP11 sehinggalah si mati dibawa ke dalam rumah T1. SP11 merupakan saksi mata yang mengesahkan pada 10 September 2015 sebelum keluar daripada rumah T1 pada jam 7.45 pagi, si mati masih hidup. Saya turut meneliti keterangan SP11 secara mendalam, tiada secebis keterangan yang menunjukkan SP11 melakukan tindakan sehingga menyumbang kepada kematian si mati.

[30] Peguam T1 yang terpelajar dalam hujahan bertulisnya di ms 16–21 telah memperincikan percanggahan-percanggahan keterangan SP11 dan menegaskan SP11 merupakan seorang saksi yang tidak boleh dipercayai. Peguam T1 yang terpelajar menunjukkan percanggahan keterangan SP1 dalam perkara-perkara berikut:

(a) SP11 dalam keterangannya menyatakan pada jam 12 malam 9 September 2015 semasa berada dirumahnya terdengar bunyi motosikal dan orang bertengkar di jalan raya dengan kuat. SP11 telah keluar rumah dan bertemu T1 dan T2. Sebaliknya mengikut keterangan pegawai penyiasat ('SP22'), pada malam kejadian T1 dan T2 datang ke rumah SP11 dan menahan si mati. Seterusnya timbul perbalahan antara T1, T2 dan si mati. T1 dan T2 kemudiannya meminta bantuan SP11. SP11 bukannya dengan sendiri keluar rumah sebagaimana dalam keterangannya;

(b) SP11 dalam keterangannya mendakwa T1 telah memukul si mati dengan spanar sehingga mencederakan bahagian kening kanan si mati. Keterangan ini bercanggah dengan keterangan SP11 (Dr Nor Amirah) yang menjalankan bedah siasat dan mengesahkan tiada kecederaan luaran si mati. SP22 sendiri tidak menghantar spanar ('P95') ke Jabatan Kimia untuk dianalisa sama ada ia digunakan oleh T1 untuk memukul si mati sebagaimana yang didakwa oleh SP11;

(c) SP11 dalam keterangannya menyatakan mendengar suara orang minta tolong dengan kuat dan nampak si mati meniarap di bahagian garaj jiranya. Sekiranya benar, jiran akan keluar rumah dan melihatnya. Pendakwaan gagal memanggil jiran untuk memberi keterangan bagi menyokong keterangan SP11;

(d) SP11 mereka cerita si mati dipapah menaiki motor dan dibawa ke rumah T1. Si mati dalam keadaan separuh sedar dan berada di atas katil di bilik belakang rumah T1. Sebaliknya mengikut keterangan SP23 yang hadir dirumah T1 pada 10 September 2015 mengesahkan si mati bersama T1 dan T2 makan minum dan mengambil dadah syabu;

(e) SP11 juga mengambarkan hubungan T1 dengan si mati tidak baik. Sebaliknya mengikut keterangan SP23, T1 dan si mati berkawan baik dan tiada masalah;

(f) SP11 dalam keterangannya menyatakan T1 dan T2 telah buka baju dan seluar si mati. Ketika itu si mati hanya memakai boxer. Sebaliknya mengikut saksi-saksi pendakwaan yang menemui mayat si mati, si mati memakai *t-shirt* dan berseluar jean;

(g) SP11 menyatakan T1 ada menyapu ubat ditempat luka si mati adalah rekaan bagi mengaitkan T1 dengan pukulan ke atas si mati. Sebaiknya SP14 mengesahkan tiada kecederaan pada badan si mati. SP23 menyatakan luka pada kening kanan si mati sekadar calar dan luka lama; dan

(h) Tiada keterangan yang menunjukkan SP11 ada pergi bekerja pada 10 September 2015. SP22 selaku pegawai penyiasat tidak menyiasat majikan SP11. Sebaliknya SP12 menyatakan SP11 ada berjumpa pada tarikh tersebut dan mengajak SP12 ke rumah T1 untuk berjumpa si mati.

[31] Saya telah meneliti percanggahan-percanggahan yang ditonjolkan oleh peguam T1 yang terpelajar di item (a)–(h) di atas. Saya berpendapat percanggahan tersebut bukannya perkara penting sehingga menjejaskan kewibawaan SP11 sebagai seorang saksi. Sekiranya diamati percanggahan (a)–(h) ia merupakan perkara yang kecil. SP11 mengambarkan situasi si mati pada malam kejadian sehinggalah si mati dibawa ke rumah T1. SP11 sekadar berada di rumah T1 sehingga jam 7.45 pagi pada 10 September 2015 dan semasa itu Bincharong a/l Amnot masih hidup lagi.

[32] Saya berpendapat apa yang penting, T1 dan T2 tidak pernah mempertikaikan ada bersama si mati semasa SP11 keluar daripada rumah T1. Pendakwaan telah memanggil SP23 (Nor Shaizad bin Ismail) yang mengesahkan pada 9 September 2015, T1 telah menghubunginya melalui SMS untuk datang ke rumah T1 untuk membaiki kereta. SP23 hanya pada 10 September 2015, jam 3 petang ke rumah T1. Semasa berada di rumah T1, SP23 ada mengambil dadah bersama T1, T2 dan si mati. SP23 berada di rumah T1 sehingga pukul 8 malam selepas SP23 tidak dapat memperbaiki kerosakan kereta Wira yang berada di rumah T1. Saya telah menimbangkan SP11 turut ditangkap bersama T1 dan T2 semasa siasatan kes dijalankan.

Walaupun begitu, SP11 tidak dituduh di mahkamah sebaliknya menjadi saksi pendakwaan. Saya bersetuju setelah melihat penglibatan SP11 di peringkat awal sehinggalah si mati dibawa ke rumah T1, SP11 bertindak menjaga di pintu rumah T1 sebelum keluar jam 7.45 pagi pada 10 September 2015. SP11 merupakan rakan sejenayah dalam konteks kes di hadapan mahkamah sekarang. Sebagaimana yang dihujahkan oleh peguam T1 yang terpelajar dan peguam T2 yang terpelajar, keterangan SP11 perlu keterangan sokongan lainnya.

[33] Saya telah meneliti keterangan pendakwaan, terdapat keterangan sokongan SP11 berdasarkan perkara-perkara berikut:

(i) keterangan SP12;

(ii) penemuan cover seat dan rangka motosikal si mati di rumah T1;

(iii) rampasan telefon bimbit milik si mati ('P21); dan

(iv) keterangan SP23.

Bagi isu (i)

[34] Pendakwaan memanggil SP12 memberi keterangan berkaitan kejadian yang berlaku pada malam 9 September 2015. SP12 pada 10 September 2015 waktu petang ada SMS daripada T1 juga dikenali sebagai Pak On. T1 membalas SMS dan menyatakan 'budak Siam ini memang perlu diajar'. Pendakwaan telah mengemukakan data telefon (P28) yang mengaitkan T1 dengan SP12. Saya telah meneliti P28 khasnya SMS antara SP12 dengan T1 yang melibatkan si mati. Selepas diamati, SMS itu menyokong keterangan T1 bersama si mati pada tarikh kejadian di rumah T1.

[35] Saya bersetuju SP12 merupakan kekasih si mati dan tindakan T1 dan T2 membunuh si mati atas rasa tidak puas hati si mati menjalin hubungan dengan SP12.

[36] Peguam T1 yang terpelajar berhujah secara panjang lebar di ms 22–27 hujahan bertulisnya berkaitan SP12. Peguam T1 yang terpelajar menegaskan SP12 bukannya seorang saksi yang jujur dan keterangannya perlu diterima dengan berhati-hati.

[37] Saya berpendapat walaupun terdapat percanggahan keterangan SP12 sebagaimana yang ditonjolkan oleh peguam T1 yang terpelajar, percanggahan tersebut merupakan perkara yang kecil dan tidak menjejaskan kewibawaan sebagai seorang saksi pendakwaan.

Bagi isu (ii)

[38] TPR yang terpelajar telah menghujahkan penemuan cover seat dan rangka motosikal si mati ('P21') di rumah T1 merupakan sebahagian keterangan sokongan SP11. Peguam T1 yang terpelajar telah menghujahkan kegagalan SP22 (pegawai penyiasat) menghantar komponen-komponen ke Puspakom menimbulkan keraguan sama ada P87 merujuk kepada motosikal si mati yang terlibat dalam kejadian malam tersebut. Saya berpendapat walaupun P87 tidak dihantar ke Puspakom, ia tidak menjejaskan kes pendakwaan. SP11 mengesahkan pada malam kejadian si mati ada membawa motosikalnya. Motosikal si mati telah dibawa kerumah T1 dan cover seat dan rangka motosikal si mati telah dibuka. Saya berpendapat tindakan T1 menanggalkan *cover seat* dan bahagian motosikal si mati ini bagi mengelakkan orang lain mengetahui kehadiran si mati di rumah T1 dan juga menutup penglibatan T1 dalam kes pembunuhan ini.

Bagi isu (iii)

[39] Pendakwaan turut bergantung kepada keterangan Mohammad Hairi bin Halib ('SP7') yang mengesahkan membeli telefon bimbit si mati ('P21') daripada T2. Peguam T1 yang terpelajar menghujahkan SP7 tidak dapat mengecamkan sama ada telefon bimbit yang dikemukakan di mahkamah milik si mati. Begitu juga peguam T2 yang terpelajar menghujahkan terdapat keraguan telefon bimbit sama ada 'Samsung Galaxy Grand warna emas'.

[40] Saya berpendapat adik si mati iaitu SP6 telah mengesahkan telefon bimbit si mati berpandukan 'screen protector' pecah dan bahagian telefon bimbit ada kesan calar-calar. SP6 mengecamnya melalui warna *gold* telefon bimbit abangnya iaitu si mati. Begitu juga SP7 telah mengesahkan ada membeli telefon bimbit jenama Samsung tetapi kakak SP7 yang memberitahu jenis 'Samsung Galaxy Grand'. Saya berpendapat keterangan SP6 dan SP7 sudah mencukupi membuktikan P21 milik si mati. Keterangan SP7 ini dapatlah dikaitkan penglibatan T2 dalam pembunuhan si mati.

Bagi isu (iv)

[41] Keterangan SP11 juga disokong oleh keterangan SP23 yang mengesahkan ada berjumpa T1, T2 bersama si mati pada 10 September 2015 pada jam 8 malam sebelum SP23 meninggalkan rumah T1.

[42] Pendakwaan telah bergantung kepada kes *Ho Sek Kong v Public Prosecutor* [2011] 5 MLJ 359; [2011] 6 CLJ 522 ada menyentuh prinsip 'last seen together' bagi mengaitkan T1 dan T2 kepada pembunuhan iaitu mengikat tangan si mati dengan tali nylon dan mencampakkan ke dalam

sungai Kuala Perlis. Dalam kes *Ho Sek Kong* ada menegaskan seperti berikut:

> According to the commentary in *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes* (p 1425) 'the fact that the accused and the deceased were 'last seen together' is a circumstance of an incriminating nature against the accused — But the mere fact that the accused was last seen together with the deceased does not necessarily lead to the irresistible inference that he had committed the crime'. It cannot therefore be the sole basis for a conviction. However, taken together with his own confession, the court may make an inference of his guilt (*State v Shaik Mazhar* (AIR) [2001] SC 2427).

[43] Saya merujuk kes *Ashok v State of Maharashtra* [2015] 4 SCC 393 dimana ada mengulas prinsip 'last seen together' seperti berikut:

> The 'last seen together' theory has been elucidated by this Court in *Trimukh Marotiu Kirkan v State of Maharashtra,* [2006] 10 SCC 106, in the following words:
>
> > Where an accused is alleged to have committed the murder of his wife and the prosecution succeeds in leading evidence to show that shortly before the commission of crime they were seentogether or the offence takes place in the dwelling home where the husband also normally resided, it has been consistently held that if the accused does not offer any explanation how the wife received injuries or offers an explanation which is found to be false, it is a strong circumstance which indicates that he is responsible for commission of the crime. Thus, the doctrine of last seen together shifts the burden of proof on the accused, requiring him to explain how the incident had occurred. Failure on the part of the accused to furnish any explanation in this regard, would give rise to a very strong presumption against him.
>
> In *Ram Gulab Chaudhary v State of Bihar* [2001] 8 SCC 311, the accused after brutally assaulting a boy carried him away and thereafter the boy was not seen alive nor his body was found. The accused, however, offered no explanation as to what they did after they took away the boy. It was held that for absence of any explanation from the side of the accused about the boy, there was every justification for drawing an inference that they had murdered the boy.
>
> In *Nika Ram v State of HP* [1972] 2 SCC 80, it was observed that the fact that the accused alone was with his wife in the house when she was murdered with a 'Khukhri' and the fact that the relations of the accused with her were strained would, in the absence of any cogent explanation by him, point to his guilt.
>
> The latest judgment on the point is *Kanhaiya Lal v State of Rajasthan,* [2014] 4 SCC 715. In this case this Court has held that the circumstance of last seen together does not by itself and necessarily lead to the inference that it was the accused who committed the crime. There must be something more establishing the connectivity between the accused and the crime. Mere non-explanation on the part of the accused by itself cannot lead to the proof of guilt against the accused.

[44] Saya selanjutnya merujuk kes *Rajamorgan a/l Marimuthu v Public Prosecutor* [2014] 5 MLJ 565; [2014] 6 CLJ 850 dimana YA Mohd Zawawi Salleh HMR ada mengupas 'last seen together' seperti berikut:

[27] With respect, we disagree with the submission. The fact that the appellant was last seen with the deceased may have created suspicions of his guilt, but not enough to prove the case against him beyond reasonable doubt. It is trite that last seen evidence does not by itself necessarily leads to an irresistible inference that the appellant committed the crime unless the same is duly supported by other links in the chain of circumstances evidence unerringly pointing out the guilt of the appellant. It should also be noted that the last seen evidence is only relevant evidence to complete the chain of circumstantial evidence; however the conviction cannot be solely based on this piece of evidence. Dealing with the principle of last seen evidence, the Supreme Court of India in *Rishi Pal v State of Uttarakhand* 2013 (2) ACR 147, had this to say:

> 16. In *Mohibur Rahman and Anr v State of Assam* (2002) 6 SCC 715, this Court held that the circumstance of last seen does not by itself necessarily lead to the inference that it was the accused who committed the crime. It depends upon the facts of each case. There may however be cases where, on account of close proximity of place and time between the event of the accused having been last seen with the deceased and the factum of death, a rational mind may be persuaded to reach an irresistible conclusion that either the accused should explain how and in what circumstances the victim suffered the death or should own the liability for the homicide. Similarly in *Arjun Marik and Ors v State of Bihar* 1994 Supp (2) SCC 372, this Court reiterated that the solitary circumstance of the accused and victim being last seen will not complete the chain of circumstances for the Court to record a finding that it is consistent only with the hypothesis of the guilt of the accused. No conviction on that basis alone can, therefore, be founded. So also in *Godabarish Mishra v Kuntala Mishra and Another* (1996) 11 SCC 264, this Court declared that the theory of last seen together is not of universal application and may not always be sufficient to sustain a conviction unless supported by other links in the chain of circumstances. In *Bharat v State of MP* (2003) 3 SCC 106; two circumstances on the basis whereof the Appellant had been convicted were: (i) the Appellant having been last seen with the deceased; and (ii) Recovery of ornaments made at his instance. This Court held: ... Mere non-explanation cannot lead to the proof of guilt against the Appellant. The prosecution has to prove its case against the Appellant beyond reasonable doubt. The chain of circumstances, in our opinion, is not complete so as to sustain the conviction of the Appellant ...

[45] Saya berpendapat penghakiman ini tidak lengkap tanpa merujuk kes *Ahmad Najib bin Aris v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800 dimana YA Zulkefli Makinudin HMP (pada ketika itu) ada menzahirkan pandangannya seperti berikut:

> Evidence Of Existence Of The Opportunity To Commit The Crime
>
> [45] It must also be noted that the appellant had the opportunity to have committed the crime (see s 7 and illustration (c) of the Evidence Act 1950). The evidence of opportunity in this case has been supplemented by proof of circumstances of such a nature as to lead to the inference that it was probable that advantage would be taken by the appellant of the opportunity (see *Aziz bin Muhamad Din v Public*

Prosecutor [1996] 5 MLJ 473; [1997] 1 CLJ Supp 523). The evidence adduced by the prosecution showed that the appellant was seen together with the deceased by the prosecution witnesses, PW4, PW5 and PW12 through the sequence of events taking place at the various locations.

[46] Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan dalam nas-nas duluan yang dirujuk sebelum ini, saya akan menyentuh keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan terhadap T1 dan T2 dalam pembunuhan si mati.

[47] Saya bersetuju fakta T1 dan T2 dilihat orang terakhir bersama si mati di rumah T1 tidak memadai untuk mengaitkan dengan pembunuhan si mati. SP23 dalam keterangannya mengesahkan ada pergi ke rumah T1 yang terletak di Kg Menkula. Sebelum SP23 meninggalkan rumah T1, si mati hanya bersama T1 dan T2 dan pada masa itu si mati masih hidup. Saya berpendapat dalam tempoh masa SP23 meninggalkan T1 dan T2, T1 dan T2 mempunyai masa yang mencukupi untuk melakukan pembunuhan atas si mati dengan mengikat kedua-dua tangan si mati dibahagian hadapan dengan tali nylon. Rumah T1 dimana si mati masih hidup semasa SP23 meninggalkan rumah T1 ke tempat dimana si mati ditolak ke dalam sungai di Jalan Kg Pelangi, Jalan Dato' Ali Kangar merupakan satu jarak yang tidak jauh. Si mati kemudiannya telah dijumpai terapung di muara sungai Kuala Perlis pada 11 September 2015. Pendakwaan telah mengemukakan Jadual Air Pasang Surut bagi bulan September hingga Disember 2015 ('P85'), mayat si mati yang dicampakkan di Jalan Dato' Ali akan dibawa arus menuju ke muara sungai Kuala Perlis.

[48] Saya berpendapat penemuan telefon bimbit si mati oleh Insp Mohd Yusry bin Mohd Ghaus ('SP13') pada 12 September 2015 jam 2.30 petang daripada Mohamad Hairie bin Halib ('SP7') menyokong penglibatan T2 dengan pembunuhan si mati. Saya merujuk kes *Public Prosecutor v Shahrael Amir Suhaimi* [2014] 7 CLJ 380 dimana YA Hamid Sultan Abu Backer HMR ada menyentuh penemuan peribadi dalam kes pembunuhan seperti berikut:

> (2) Incriminating evidence as well as items belonging to the deceased was recovered from the respondent and/or bag which he was said to be in possession of or at least had nexus to. This per se would attract criminal culpability pursuant to s 114 of the Evidence Act 1950 ('the Act'). By the application of s 114 of the Act, the court was obliged to look at the totality of the evidence more so when incriminating evidence as well as property of the deceased where nexus can be inferred to rule that a prima facie case had been established. (paras 13 & 14).

[49] SP7 dalam keterangannya menyatakan telah membeli telefon bimbit itu daripada T2.

[50] Sepanjang kes pendakwaan, pembelaan tidak mencadangkan kepada saksi-saksi pendakwaan selepas SP23 balik dari rumah T1, T1 dan T2 meninggalkan si mati seorang diri sehingga penemuan mayat si mati pada pagi 11 September 2015. Saya bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar T1 dan T2 mempunyai tempoh masa yang mencukupi untuk melakukan pembunuhan ke atas si mati. Semasa SP23 ke rumah T1 pada malam 10 September 2015, di rumah T1 ada dua buah kenderaan iaitu kereta Proton Wira dan Proton. SP23 dalam keterangannya telah mengesahkan semasa pergi ke rumah T1, terdapat dua buah kenderaan iaitu kereta Proton Wira berwarna silver dan kereta Proton Saga. Kereta Proton Wira rosak enjinnya dan kehadiran SP23 ke rumah T1 pada masa itu untuk memperbaikinya. Kereta Proton Wira rosak dan tidak boleh digunakannya.

[51] Saya sependapat dengan hujahan TPR yang terpelajar, sepanjang masa bermula dari kejadian di hadapan rumah SP11, seterusnya si mati dibawa ke rumah T1 sehinggalah SP23 meninggalkan rumah T1, tiada orang lain bersama si mati melainkan T1 dan T2. T1 dan T2 merupakan orang terdekat yang mampu mengikat kedua-dua tangan si mati dihadapan dan kemudiannya mencampakannya ke dalam sungai sebagaimana yang dizahirkan dalam rajah kasar ('P94').

[52] Peguam T1 yang terpelajar menghujahkan pendakwaan gagal membuktikan kereta Proton Saga ('P86') boleh berfungsi iaitu bergerak untuk membawa si mati dari rumah T1 ke tempat pembuangan si mati ke dalam sungai di Kampung Pelangi. Peguam T1 yang terpelajar menghujahkan SP23 telah mengeluarkan bateri kereta Proton Saga untuk digunakan memperbaikki kereta Proton Wira yang telah rosak. Peguam T1 yang terpelajar menghujahkan tiada keterangan SP23 memulangkan bateri itu semula ke kereta Proton Saga yang digunakan untuk membawa si mati.

[53] Saya berpendapat keterangan SP23 perlu ditimbangkan bersama keterangan Jaafar bin Musa ('SP9') yang mengesahkan T1 ada meminjam keretanya di antara tarikh 9 September 2015 hingga 10 September 2015. SP9 menyatakan kereta Proton Saga yang dibelinya tahun 1990 masih boleh berjalan jika melibatkan perjalanan yang tidak jauh seperti sekitar Kangar, Kuala Perlis atau Alor Setar. Saya berpendapat keterangan SP23 secara jelas menyatakan pada malam 10 September 2015, enjin kereta Proton Saga masih berfungsi walaupun SP23 tidak mencuba memandunya untuk bergerak. Saya berpendapat isu bateri tidak dipasang semula ke kereta Proton Saga, ia tidak cukup untuk menyatakan kereta Proton Saga tersebut tidak boleh digunakan untuk membawa si mati dari rumah T1 ke tempat si mati dicampakan ke dalam sungai berhampiran Kampung Pelangi. Secara logiknya, T1 atau T2 boleh memasangnya semula bateri yang dikeluarkan untuk memperbaiki kereta Proton Wira yang rosak. T1 sendiri memandu kereta Proton Saga yang

dipinjam dari SP9 dan membawanya ke rumah T1 di Kampung Menkula dimana si mati berada. Fakta ini secara jelas mengambarkan kereta Proton Saga ('P86') masih berfungsi dengan baik dan boleh digunakan untuk sebuah kenderaan yang lazimnya.

[54] Saya akan menyentuh penghujahan peguam T1 yang terpelajar berkaitan isu ketiadaan DNA T1 atas barang kes yang dikemukakan oleh pendakwaan bagi mengaitkan T1. Pendakwaan telah memanggil Erizasyira bt Basri ('SP20') untuk menganalisa DNA T1 yang terdapat pada tuala biru ('P60'), spanar ('P95'). SP20 telah mengesahkan tiada kesan DNA si mati yang diambil dari kuku dan rambut T1. Begitu juga *t-shirt* berwarna biru 'City of London England' ('P73'), tali ('P79'), *t-shirt* biru 'Racing' ('P80'), kereta Proton Saga ('P86') tiada DNA T1 bagi mengaitkan T1 dengan pembunuhan si mati.

[55] Saya merujuk P60 yang dikatakan digunakan untuk mengelap darah si mati semasa berada di rumah T1. Saya berpendapat walaupun P60 tiada DNA T1, ia digunakan semasa si mati berada di rumah T1 dan si mati masih hidup. Begitu juga, spanar ('P95') ia digunakan semasa si mati masih hidup dan tiada kaitan dengan pembunuhan si mati iaitu mengikat kedua-dua tangan si mati dengan tali nylon. Saya berpendapat walaupun P73, P79, P80 dan P86 tiada DNA T1, ia tidak menjejaskan kes pendakwaan berpandukan keterangan yang ada. Sepanjang kes pendakwaan, pembelaan tidak pernah mencadangkan T1 dan T2 meninggalkan si mati di rumah seorang diri. Saya berpendapat jarak rumah T1 dan tempat pembuangan si mati jarak yang dekat dan ia munasabah dilakukan dalam tempoh masa yang ada.

[56] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, saya berpendapat inti pati (b) berjaya dibuktikan. Pendakwaan membuktikan T1 dan T2 telah melakukan pembunuhan tersebut.

Bagi isu (c)

[57] Pihak pendakwaan perlu membuktikan Bincharong a/l Amnot telah mati. Kematian si mati akibat daripada kecederaan yang dialaminya. Pihak pendakwaan juga perlu membuktikan bahawa perbuatan T1 dan T2 itu menjurus atau terjumlah kepada pembunuhan seperti dinyatakan di dalam s 300 Kanun itu. Peruntukan s 300 Kanun itu telah menggariskan empat keadaan di mana mematikan orang dengan salah yang boleh terjumlah kepada perbuatan membunuh iaitu:

> Except in the cases hereinafter excepted, culpable homicide is murder —
>
> (a) if the act by which the death is caused is done with the intention of causing death;

(b) if it is done with the intention of causing such bodily injury as the offender knows to be likely to cause the death of the person to whom the harm is caused;

(c) if it is done with the intention of causing bodily injury to any person, and the bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death; or

(d) if the person committing the act knows that it is so imminently dangerous that it must in all probability cause death, or such bodily injury as is likely to cause death, and commits such act without any excuse for incurring the risk of causing death, or such injury as aforesaid.

[58] Saya turut merujuk kes Mahkamah Persekutuan, *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 174; [1976] 1 LNS 159 Raja Azlan Shah FJ (Baginda pada masa itu) menyatakan bahawa:

We therefore intend to deal at some length to emphasise and to discuss the distinctions between the provisions of s 299 of the Penal Code and s 300 of the Penal Code.

Section 299, Penal Code enacts that a person commits culpable homicide, if the act by which the death is caused is done: (a) with the intention to cause death; (b) with the intention of causing such bodily injury as is likely to cause death; (c) with the knowledge that ... the act is likely to cause death. Section 300 of the Penal Code defines murder as follows. Except in the cases hereinafter excepted, culpable homicide is murder, if the act by which the death is caused is done: (1) with the intention of causing death; (2) with the intention of causing such bodily injury as the offender knows to be likely to cause the death of the person to whom the harm is caused; (3) with the intention of causing such bodily injury to any person, and ... is sufficient in the ordinary course of nature to cause death; (4) with the knowledge that the act is so imminently dangerous that it must in all probability cause death, or such bodily injury as is likely to cause death.

The words which I have italised show the marked differences between the two offences. Where there is an intention to kill, as in (a) and (1). the offence is always murder. Where there is no intention to cause death or bodily injury, then (c) and (4) apply. Whether the offence is culpable homicide or murder depends upon the degree of risk to human life. If death is a likely result, it is culpable homicide; if it is the most probable result, it is murder. Illustration (d) of s 300 of the Penal Code is a case of this description. Where the offender knows that the particular person injured is likely, either from peculiarity of constitution, immature age, or other special circumstances, to be killed by an injury which would not ordinarily cause death, it is murder. Illustration (b) of s 300 of the Penal Code is a good example. The essence of (b) and (3) is this. It is culpable homicide if the bodily injury intended to be inflicted is likely to cause death; it is murder, if such injury is sufficient in the ordinary course of nature to cause death. Illustration (c) given in s 300 of the Penal Code is an example. It is on a comparison of these two limbs of s 299 and s 300 that the decision of doubtful cases as the present must generally depend. The distinction is fine, but noticeable. In the last analysis, it is a question of degree of probability.

[59] Privy Council di dalam kes *Chung Kum Moey v Public Prosecutior* [1967] 1 MLJ 205; [1966] 1 LNS 39; dirujuk di mana Viscount Dilhorne menerangkan seperti berikut:

> (1) The four limbs of s 300 of the Penal Code were not mutually exclusive ...
>
> (2) The contrast between the use of the words 'likely to cause death' in s 299 and the words 'sufficient in the ordinary course of nature to cause death' in the third limb of s 300 of the Penal Code indicated that a high degree of certainty was required to justify a conviction under that limb for murder ...

[60] Di dalam kes hadapan saya sekarang, pihak pendakwaan di dalam hujahanya menzahirkan pihaknya bergantung kepada peruntukan s 300 cabang (c) Kanun itu. Di dalam kes Mahkamah Rayuan, *Mohd Azam Raja Abdullah v Public Prosecutor* [2015] MLJU 2128; [2015] 1 CLJ 1080 telah merumuskan untuk membuktikan pembunuhan di bawah cabang ini, pihak pendakwaan hanya perlu membuktikan perkara berikut:

> To prove murder under this clause the prosecution is only required to establish two factual elements, namely:
>
> (1) The bodily injury was intended.
>
> (2) The bodily injury was sufficient in the ordinary course of nature to cause death.

[61] Peguam T1 yang terpelajar dan peguam T2 yang terpelajar dalam hujahan bertulisnya telah menghujahkan pendakwaan gagal membuktikan punca kematian si mati dan bergantung kepada penemuan Dr Nor Amirah ('SP14') yang mengesahkan kematian si mati 'unascertained' sebagaimana yang dizahirkan dalam laporan perubatan ('P35').

[62] Saya telah meneliti keterangan SP14, walaupun tidak dapat menentukan punca kematian, SP14 tidak menolak kemungkinan si mati telah lemas. SP14 dalam keterangannya menyatakan:

> S: Berdasarkan kepada pendapat kamu atau 'findings' kamu, kamu tidak dapat tentukan sebab kematian?
>
> J: Ya.
>
> S: Tetapi kamu tidak menolak kemungkinan si mati telah lemas.
>
> J: Ya.
>
> (Nota Keterangan — muka surat (308)).

[63] Saya telah menimbangkan keadaan mayat ketika ditemui kedua-dua tangan telah diikat didepan dengan kemas dan rapat. Tiada ruang antara kedua-duanya. Ikatan menggunakan tali berwarna hijau dengan melilit beberapa kali dengan ikatan simpul mati. Saya berpendapat corak ikatan

mustahil boleh dilakukan oleh si mati sendiri. Pakaian si mati tiada kesan lubang, tikaman atau tanda pada pakaian. Di samping itu, tiada kesan 'fracture, dislocate or other foreign matter' pada mayat. Saya turut menimbangkan hasil pemeriksaan *toxicology* atas tisu buah pinggang dan organ hati tiada kesan dadah dijumpai pada persampelan tersebut yang diambil oleh SP14.

[64] Peguam T1 yang terpelajar bergantung kepada kes *Zahidah bt Ahmad v Public Prosecutor* [2017] 3 MLJ 235; [2017] 1 LNS 103 dimana ia melibatkan punca kematian si mati 'unascertained'. Dalam kes *Zahidah bt Ahmad*, si mati berusia 72 tahun dan merupakan pesakit asma. Pakar bedah siasat tidak dapat tentukan kematian si mati akibat keadaan mayat yang reput. Tiada keterangan daripada pakar bedah siasat bagi menyatakan perbuatan menekup bantal boleh atau berkemungkinan menyebabkan kematian. Mahkamah memutuskan terdapat keraguan kemungkinan si mati mungkin telah diserang dengan asma. Mahkamah Rayuan dalam penghakimannya menyatakan:

> [36] In view of the nature of the medical evidence given by the pathologist as earlier highlighted, it is our considered view that the present appeal would fall within the second part of s 299 of the Penal Code. It is our judgment that this is a case which can reasonably be brought within the lesser offence of culpable homicide not amounting to murder, that is under s 304(a) of the Penal Code.

[65] Saya bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, tiada keterangan yang menunjukkan si mati mengalami apa-apa penyakit kronik seperti yang berlaku dalam kes *Zahidah bt Ahmad*.

[66] Saya berpendapat tindakan T1 dan T2 yang mengikat kedua-dua tangan si mati dan mencampakan ke dalam sungai boleh menyebabkan kematian. Keterangan SP14 juga mengesahkan secara lazimnya boleh menyebabkan kematian dan ini termasuk dalam jaringan cabang (c), s 300 Kanun itu.

[67] Saya berpendapat pendakwaan berjaya membuktikan inti pati (c) di atas. Perbuatan T1 dan T2 termasuk dalam cabang (c), s 300 Kanun itu.

Bagi inti pati (d)

[68] Sebelum mahkamah ini menyentuh niat bersama antara T1 dan T2, eloklah dirujuk kes *(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336; [1987] CLJ Rep 241; [1987] 1 CLJ 540, di mana YA Syed Agil HMA dalam menyampaikan penghakimannya ada menyentuh niat bersama seperti berikut:

In law, common intention requires a prior meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or of sharing some other intention, is not enough. There must be proved either by direct or circumstantial evidence that there was (a) a common intention to commit the very offence of which the accused persons are sought to be convicted and (b) participation in the commission of the intended offence in furtherance of that common intention.

35. Where the prosecution case rest on circumstantial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference. Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the accused. (The Supreme Court (of India) on Criminal Law 1950–1960 by JK Soonavala pp 188–193).

[69] Saya selanjutnya merujuk kes *Farose bin Tamure Mohamad Khan v Public Prosecutor and other appeals* [2016] 6 MLJ 277; [2016] 9 CLJ 769, YAA Raus Sharif PMR (pada ketika itu) ada menyentuh pemakaian s 34 Kanun itu seperti berikut:

[65] ... we still hold the view which had been widely accepted by our courts that in a criminal prosecution where s 34 of the Penal Code is invoked, it is not incumbent on the prosecution to prove that there existed between the participants a common intention to commit the crime actually committed. As long as there is a common intention to commit a criminal act, which resulted to the commission of a crime actually committed, s 34 can operate against all persons involved in the commission of the actual crime.

[66] The existence of a common intention is a question of fact in each case to be proved mainly as a matter of inference from the circumstances of the case. Direct evidence as proof is difficult to procure because common intention is essentially a state of mind. Invariably inferences have to be relied upon arising from such acts or conduct of the accused, the manner in which the accused arrived at the scene, the nature of injury caused by one or some of them or such other relevant circumstances available. The totality of the circumstances must be taken into consideration in arriving at a conclusion whether there is a common intention to commit the offence for which the accused could be convicted. The facts and circumstances of each case might vary. As such, each case should be decided based on the facts involved.

[70] Berbekalkan prinsip kes *Namasiyiam s/o Doraisamy & Ors* dan *Farose Tamure Mohamad Khan*, mahkamah ini akan meneliti keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan sama ada niat bersama antara T1 dan T2 dibuktikan. Sepanjang kes pendakwaan, T1 dan T2 telah dibuktikan hadir bersama si mati di rumah T1. Keterangan SP23 yang mengesahkan T1 dan T2 orang yang terakhir bersama si mati di rumah T1. Saya bersetuju kedua-dua tangan si mati diikat bagi menghadkan pergerakan si mati daripada menyelamatkan diri. Si mati telah dibawa dari rumah T1 ke Jalan Dato Ali sehinggalah mayat ditemui. Segala perbuatan ini tidak boleh dilakukan

seorang diri. T1 dan T2 membawa si mati ke Jalan Dato Ali menggunakan kereta Proton Saga (P86) dan mencampakan ke dalam sungai dan dibawa arus ke muara Kuala Perlis dimana dijumpai oleh nelayan.

[71] Saya berpendapat pendakwaan telah membuktikan T1 dan T2 secara niat bersama di bawah s 34 Kanun itu melakukan pembunuhan ke atas si mati pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan ('P98').

[72] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, saya berpendapat pendakwaan membuktikan kes prima facie di akhir kes pendakwaan. T1 dan T2 dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan pindaan (P98). Sebagaimana lazimnya, tiga pilihan telah diterangkan kepada T1 dan T2, T1 dan T2 telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah.

[73] Sebelum saya menyentuh pembelaan T1 dan T2, eloklah dijenguk kembali tugas mahkamah di akhir kes pembelaan. Saya merujuk kes *Pendakwa Raya v Mohd Radzi Abu Bakar* [2005] MLJU 504; [2006] 1 CLJ 457 telah dinyatakan bahawa:

> 19(iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;
>
> 20(iv) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263; [1963] 1 LNS 82

[74] Di dalam kes *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263; [1963] 1 LNS 82, di mana Suffian J (pada masa itu) menggariskan prinsip bahawa:

> The position may be conveniently stated as follows:
>
> (a) If you are satisfied beyond reasonable doubt as to the accused's guilt ... Convict.
>
> (b) If you accept or believe the accused's explanation ... Acquit.
>
> (c) If you do not accept or believe the accused's explanation. Do not convict but consider the next steps below.
>
> (d) If you do not accept or believe the accused's explanation and that explanation does not raise in your mind a reasonable doubt as to his guilt ... Convict
>
> (e) If you do not accept or believe the accused's explanation but nevertheless it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt ... Acquit.

[75] Saya selanjutnya merujuk kes *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 LNS 115 Sharma J telah menyatakan seperti berikut:

> The following definition of — 'reasonable doubt' is often quoted:

It is not mere possible doubt, because everything relating to human affairs and depending upon moral evidence is open to some possible or imaginary doubt. It is that state of the case which after the entire comparison and consideration of all the evidence leaves the minds of the jurors in that condition that they cannot say they feel an abiding conviction to a moral certainty of the truth of the charge.

It has again been said that 'reasonable doubt' is the doubt which makes you hesitate as to the correctness of the conclusion which you reach. If under your oaths and upon your consciences, after you have fully investigated the evidence and compared it in all its parts, you say to yourself I doubt if he is guilty, then it is a reasonable doubt. It is a doubt which settles in your judgment and finds a resting place there.' Or as sometimes said, it must be a doubt so solemn and substantial as to produce in the minds of the jurors some uncertainty as to the verdict to be given. A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence.

[76] Saya akan menyentuh pembelaan T1 terlebih dahulu. T1 dalam keterangannya menyatakan pada 9 September 2015, T1 berada di rumah Rahim bin Ibrahim ('SP11') yang merupakan abang iparnya telah datang dan mengadu kecewa dengan kekasihnya Norhidayah bt Idris ('SP12'). SP12 dikatakan menjalin hubungan dengan lelaki lain. SP11 telah meminta bantuan T1 untuk menahan mangsa (si mati) supaya dia dapat memukul lelaki tersebut. T1 meminta untuk bawa kawannya bersama dan SP11 menyetujuinya. SP11 memberitahu T1 untuk bersedia dan dia akan menghubungi melalui telefon malam itu. Selanjutnya T1 telah menghubungi T2 melalui telefon memaklumkan ada kerja malam itu.

Pada jam lebih kurang 11 malam itu, T1 telah menerima panggilan telefon dari SP11 dan T1 telah mengambil T2 jam 11 malam lebih. T1 dan T2 sampai di hadapan rumah SP11 jam 12 malam. Ketika itu SP11 telah berada di situ menunggu kedatangan T1 dan T2.

[77] Kemudiannya tiba sebuah motosikal dan SP11 terus menahannya. SP11 arahkan T1 dan T2 untuk memegang lelaki penunggang motosikal tersebut. SP11 terus memukul lelaki tersebut beberapa kali. Semasa lelaki itu membuka helmet barulah T1 camkannya sebagai si mati yang merupakan kawannya. T1 telah menahan SP11 dari terus memukul si mati. Seterusnya SP11 mengarahkan T1 untuk bawa si mati ke rumah T1. SP11 telah mengheret si mati naik atas motosikal T1. SP11 telah membawa motosikal dengan si mati duduk ditengah dan T2 duduk dibelakangnya. T1 telah menunggang motosikal si mati.

[78] Sebaik tiba dirumah T1, SP11 telah memukul dan menampar si mati tetapi kemudiannya telah dihalang oleh T1 dan T2 yang menyuruh mereka berbincang. Keadaan menjadi reda dan SP11 memberitahu si mati selepas ini

dia tidak mahu mendengar si mati ada apa-apa hubungan lagi dengan SP12. Kemudiannya T1, T2 dan si mati terus melepak sambil sama-sama makan dan mengambil dadah.

[79] Si mati telah mengajak T1 untuk membuka motosikalnya untuk dicat tetapi T1 mengatakan dia tiada kelapangan malam itu. Mereka telah mengambil dadah jenis syabu. T1 telah masuk ke bilik untuk tidur dan yang lainnya berada di ruang tamu. T1 telah bangun pada jam 10 pagi dan mendapati SP11 telah tiada. Ketika itu si mati telah membuka cover motosikalnya lalu T1 membantunya. Kemudiannya, T1, T2 dan si mati telah sama-sama sarapan pagi.

[80] Selanjutnya, jam lebih kurang 3 petang seorang kawan T1 bernama Norsyahizad bin Ismail ('SP23') telah datang ke rumahnya untuk membaiki kereta Proton Wira milik T1 yang rosak. SP23 merupakan kawan lama T1. Kesemua mereka telah makan, minum dan mengambil dadah sekali. Lebih kurang jam 5 petang barulah SP23 memulakan kerja-kerja membaiki kereta T1. SP23 telah mengambil bateri kereta Proton Saga untuk digunakan untuk menghidupkan enjin kereta Proton Wira. Pada jam 8 malam, SP23 memberitahu T1 enjin kereta Proton Wira masih tidak dapat dihidupkan dan T1 menyuruh SP23 untuk meninggalkannya.

[81] Sejurus kemudian, T2 telah meminta T1 menghantar dia balik ke rumah kakaknya. Pada jam 8 lebih malam, T1 dan T2 telah keluar rumah menaiki motosikal dan mengikut SP23 dari belakang. Pada ketika itu si mati masih berada di rumah T1 dan sedang memperbaiki motosikalnya. Sebelum keluar rumah, T1 telah memberitahu si mati tujuannya untuk menghantar T2 ke rumah kakaknya. Si mati merupakan kawan persekolahan dengan T1 dan selalu berkunjung ke rumah T1. Ramai kawan-kawan T1 yang datang ke rumahnya. Pada masa itu isteri T1 berada di rumah mertuanya.

[82] T1 dan T2 telah sampai rumah kakak T2 yang bernama Laila bt Man ('SD3') pada jam 8 lebih malam dimana T1 telah melepak disitu. T1 selalu melepak di rumah SD3. Seterusnya T1 telah makan malam di rumah SD3 sambil menonton TV. T1 telah tertidur disitu dan terjaga keesokan harinya jam 12 tengahari. T1 telah makan tengahari di rumah SD3 dan balik ke rumahnya jam 1 petang pada 11 September 2015. Apabila T1 sampai dirumahnya didapati si mati tiada dalam rumahnya dan yang tinggal motosikalnya. T1 telah cuba menghubungi si mati melalui telefon tetapi tidak dapat. T1 kemudiannya terus berada dalam rumahnya.

[83] Pada jam 8 lebih, sepasukan four orang anggota polis telah tiba di rumah T1. T1 telah mengenali salah seorang anggota polis yang datang sebagai Lan. Pada mulanya Lan mengajak T1 untuk keluar minum. T1 telah menaiki

kereta polis dengan kepercayaan untuk keluar minum. Kemudiannya Lan memberitahu untuk pergi ke Balai Polis Kangar terlebih dahulu kerana ada barangnya yang tertinggal. Sebaik sampai di Balai Polis Kangar, Lan telah menyuruh T1 masuk ke pejabat. Tiba-tiba datang dua anggota polis yang tidak kenal telah menggarinya. T1 bertanyakan mengapa digari dan diberitahu nanti sembang lain. T1 kemudiannya dibawa ke dalam lokap. T1 tidak tahu mengapa ditahan dalam lokap. T1 mendapati SP11 turut ditahan dalam lokap yang sama. T2 pula dalam pembelaannya menyatakan seperti berikut: Pada 9 September 2015, T2 telah menerima panggilan telefon dari T1 mengatakan ada kerja. Seterusnya T1 telah mengambil T2 dan pergi ke rumah SP11. T2 telah nampak sebuah motosikal menghampiri lalu SP11 menumbuk penunggang motosikal tersebut. Sebaik penunggang motosikal membuka topi keledarnya, T2 mengenalinya sebagai si mati. T2 dan T1 telah menghalang SP11 dari terus memukul si mati.

[84] Seterusnya SP11 telah mengheret si mati menaiki motosikal untuk pergi ke rumah T1. SP11 menunggang motosikal tersebut, si mati duduk ditengah dan T2 duduk dibelakang. Apabila sampai dirumah T1, SP11 telah menumbuk si mati lagi. SP11 telah disabarkan oleh T1 dan T2. Apabila keadaan kembali reda, T1, T2, SP11 dan si mati telah duduk bersembang dan mengambil dadah. Selepas itu T2 telah tidur sehingga jam 9 pagi pada 10 September 2015. T2 telah keluar untuk membeli makanan. Selepas balik, T2 mendapati SP11 tiada di rumah T1 dan yang tinggal hanyalah T1 dan si mati. Ketika itu T1 dan si mati sedang merongkah motosikal si mati.

[85] Kemudiannya T1, T2 dan si mati telah makan dan mengambil dadah bersama-sama. SP23 telah datang jam 3 petang. T2 mengenali SP23. T1, T2, si mati dan SP23 telah bersama-sama mengambil dadah. Selepas itu SP23 membaiki kereta T1.

[86] Kemudiannya pada jam 8 malam T2 telah meminta T1 menghantar balik ke rumah kakak T2 iaitu SD3. Mereka telah beredar menaiki motosikal mengekori belakang SP23. Ketika keluar dari rumah T1, T2 terlihat telefon bimbit si mati di tepi sofa lalu mengambilnya.

[87] Sampai di rumah SD3, mereka bersembang sambil menonton TV. Sementara itu SD3 memasak untuk makan malam. Selepas itu SD3 telah masuk tidur. T1 dan T2 terus menonton TV dan bersembang sehingga mereka tertidur.

[88] Mereka telah terjaga pada tengahari 11 September 2015. T1 telah balik ke rumahnya dalam pukul 1 tengahari selepas makan tengahari di rumah SD3. T2 memberitahu SD3 untuk keluar rumah bagi tujuan membeli rokok.

[89] T2 telah pergi berjumpa Mohd Haire bin Halib ('SP7') untuk menjual telefon bimbit milik si mati dengan harga RM50. Selepas itu T2 balik ke rumah SD3 dalam pukul 3 petang. T2 telah menebas rumput kawasan rumah SD3 sehingga pukul 7 malam.

[90] Pada malam itu, T2 tidur di rumah kakaknya SD3. Jam lebih kurang 1 pagi 12 September 2015, polis telah datang dan tangkap T2 di rumah SD3.

[91] T1 dan T2 bergantung kepada pembelaan alibi dan memanggil kakak T2 yang bernama Laila bt Man ('SD3'). SD3 dalam keterangannya menyatakan: Pada 9 September 2015 jam lebih kurang 11 malam, T1 telah datang ke rumahnya untuk membawa T2 keluar.

[92] Pada 10 September 2015, jam lebih kurang 8.30 malam, T2 telah balik ke rumah SD3 bersama T1. SD3 telah memasak untuk makan malam bersama-sama. Selepas makan malam, SD3 menonton TV sambil bersembang-sembang dengan T1 dan T2. SD3 telah membancuh kopi untuk mereka. Dalam pukul 11 malam SD3 telah masuk bilik untuk tidur. SD3 telah terjaga tidur pada pukul 2 pagi pada 11 September 2015 untuk pergi ke bilik air. Dalam perjalanan ke bilik air, SD3 nampak T1 dan T2 tidur di ruang tetamu di hadapan TV. Selepas itu SD3 telah tidur semula dan terjaga dekat pukul 6 pagi untuk solat Subuh. Ketika itu SD3 nampak T1 dan T2 masih tidur di ruang tetamu di hadapan TV.

T1 dan T2 bangun tidur lebih kurang jam 12 tengahari. SD3, T1 dan T2 telah makan tengahari bersama-sama. Selepas itu T1 telah balik ke rumahnya dan T2 berada di rumah SD3. Pada jam 2 petang, T2 keluar rumah untuk membeli rokok dan dalam tempoh 30 minit T2 kembali pulang ke rumah SD3. T2 kemudiannya pada jam 4 petang mengemas halaman rumah SD3 dan berhenti dekat waktu maghrib.

[93] Pada malamnya, T2 ada di rumah SD3. SD3 telah masuk tidur pukul 11 malam. Pada lebih kurang 1.30 pagi 12 September 2015, SD3 terdengar orang beri salam lalu bangun dan membuka pintu. Ketika itu SD3 nampak orang yang perkenalkan diri sebagai polis mencari T2. SD3 memberitahu T2 ada di rumah dan mereka masuk ke dalam rumah SD3. Kemudiannya, T2 telah ditangkap oleh polis.

[94] Sebelum saya menyentuh pembelaan T1 dan T2 secara terperinci, saya sedar pembelaan T1 dan T2 terarah kepada pembelaan alibi yang diperuntukan di bawah s 402A KTJ Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s 402A(3) dan (4) KTJ yang memperuntukan seperti berikut:

(3) Notwithstanding subsection (2), where the accused has not put forward a notice of his alibi during the case management process, he may adduce evidence in support of an alibi at any time during the trial subject to the following conditions:

(a) the accused has given a written notice of the alibi to the Public Prosecutor; and

(b) the Public Prosecutor is given a reasonable time to investigate the alibi before such evidence can be adduced.

(4) The notice required under this section shall include particulars of the place where the accused claims to have been at the time of the commission of the offence with which he is charged, together with the names and addresses of any witnesses whom he intends to call for the purpose of establishing his alibi.

[95] Dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, T1 dan T2 mengemukakan notis alibi sebaik saya memutuskan di akhir kes pendakwaan kes prima facie telah dibuktikan. Parlimen telah membuat pindaan s 402A(3) KTJ apabila notis alibi boleh dikemukakan pada bila-bila masa di peringkat perbicaraan dengan syarat (a) dan (b) kepada s 402A(3) KTJ dipatuhi.

[96] Sebelum saya menyentuh pembelaan alibi T1 dan T2, eloklah dirujuk prinsip undang-undang yang menggariskan bagaimana untuk menilai pembelaan alibi. Saya merujuk kes *Muidin bin Maidin lwn Pendakwa Raya* [2015] 3 MLJ 236; [2014] 1 LNS 1550 dimana YA Tengku Maimun Tuan Mat HMR ada menzahirkan seperti berikut:

> [48] Di dalam mengemukakan pembelaan alibi, undang-undang menghendaki perayu menyatakan di dalam notis alibi tempat di mana dia berada pada masa dia dituduh melakukan kesalahan dan untuk perayu memberikan nama-nama dan alamat saksi-saksi yang ingin dipanggil bagi membuktikan alibinya (lihat seksyen 402A Kanun Prosedur Jenayah). Kami bersetuju bahawa undang-undang tidak menghendaki perayu mengemukakan keterangan sokongan lain (lihat *Yau Heng Fang v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 335; [1985] CLJ Rep 350 *Ilian & Anor v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 421).

[97] Selanjutnya saya merujuk kes *Magendran a/l Mohan v Public Prosecutor* [2011] 6 MLJ 1; [2011] 1 CLJ 805 dimana YA Alauddin Mohd Sheriff PMR ada merujuk nas-nas duluan yang memperincikan tugas tertuduh dalam pembelaan alibi sekadar menimbulkan keraguan yang munasabah. YA dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut:

> [29] In *Illian & Anor v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 421; [1988] 1 LNS 139, the then Supreme Court, in dealing with the issue of alibi held that as regards the defence of alibi, all that an accused person had to do is to raise a reasonable doubt that he was the person at the scene of the crime. The proper approach is for the learned trial judge to consider at the close of the defence case whether he had indeed succeeded in doing so. It was also held that s 114(g) of the Evidence Actcannot be invoked against an accused person nor can the failure of the accused to call any

witness be made the subject of comment at a criminal trial.

[30] In *Mahmud Jamili Bin Zaudin & Anor v Public Prosecutor* [1995] 4 MLJ 243; [1995] 1 LNS 126 it was held as follows:

> As regards to the defence of alibi, all that the accused needed to do was to raise a reasonable doubt that he was the person at the scene of crime.

[31] The court in *Shanmugam v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 125; [1962] 1 LNS 186 also held that:

> Where the defence to a criminal charge is an alibi it was not necessary that the accused prove his alibi beyond reasonable doubt. All that he has to do is to cast a doubt upon the prosecution story. *It is not necessary for this to be achieved that the evidence of the accused should be corroborated.* (Emphasis added.)

[98] Saya telah meneliti pembelaan T1 dan T2, secara ringkasnya pembelaan alibinya ialah pada tempoh masa kejadian pembunuhan yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan (P98) iaitu pada 10 September 2015 jam 7.45 pagi hingga 11 September 2015 jam 9 pagi, T1 dan T2 tidak berada di tempat kejadian. Sebaliknya T1 dan T2 berada di rumah SD3 iaitu di Kampung Tanah Timbul, Kuala Sanglang, Perlis.

[99] Saya telah meneliti keterangan SD3 yang menyatakan T1 dan T2 tidak pernah pada bila-bila masa semasa berada di rumahnya keluar daripada rumahnya. SD3 menyatakan sewaktu bangun ke bilik air antara jam 2–3 pagi pada 11 September 2015, T1 dan T2 masih tidur di ruang tetamu di hadapan TV. Begitu juga pada jam 6 pagi sewaktu SD3 bangun untuk solat subuh T1 dan T2 masih tidur di tempat yang sama. SD1 menyatakan ada satu kunci yang dia pegang dan ini tidak memungkinkan T1 dan T2 keluar rumah tanpa pengetahuan SD3.

[100] Saya berpendapat keterangan SD3 ini bercanggah dengan keterangan SP7 dalam pernyataan bertulisnya (P23). Menurut SP7 pada 11 September 2015 jam 4 pagi T2 ada berjumpanya untuk menjual telefon bimbit milik si mati. Saya merujuk keterangan SP7 yang menyatakan:

> 2. Bahawa pada 11/9/2015 jam lebih kurang 4.00 pagi, sewaktu saya berada di rumah setelah pulang dari laut, telah datang seorang rakan yang saya kenali dengan panggilan Naim menaiki motor jenis Demak berwarna merah dengan nombor pendaftaran tidak pasti.
>
> 3. Bahawa saya mengakui kedatangan Naim ke rumah saya pada waktu itu dengan tujuan untuk menyandarkan sebuah telefon bimbit kepada saya kerana Naim memerlukan wang dengan segera. Bahawa saya mengakui Naim memaklumkan kepada saya dalam masa dua hingga tiga hari lagi Naim kembali semula mengambil telefon bimbit tersebut. Bahawa saya mengakui Naim telah menunjukkan sebuah telefon bimbit jenis Samsung Galaxy Grand berwarna emas dan saya turut

memegang telefon tersebut dan terus bertanyakan harga untuk menyandarkan telefon bimbit tersebut dan Naim menjawab RM90.

[101] Saya berpendapat keterangan SD3 yang mengatakan T2 tidak keluar rumah pada 11 September 2015 suatu pembohongan. SP7 secara jujurnya menyatakan ada berjumpa T2 jam 4 pagi untuk menjual telefon bimbit milik si mati. Secara tidak langsung keterangan T1 dan T2 yang menyatakan sentiasa berada di rumah SD3 tidak boleh dipercayai. Saya berpendapat ada kemungkinan T1 dan T 2 keluar dari rumah SD3 di antara masa 2 pagi hingga 6 pagi tanpa pengetahuan SD3. Saya mengambil kira jarak rumah T1 dengan si mati yang masih hidup semasa SP23 meninggalkan dengan tempat si mati dibuang iaitu Jalan Dato' Ali suatu jarak yang dekat iaitu 20km. Jarak ini telah disahkan oleh pegawai penyiasat (SP22). Saya berpendapat T1 dan T2 secara bersama membawa si mati menggunakan kereta Proton Saga (P86) dan membuangnya di sungai berhampiran Jalan Dato' Ali. Saya berpendapat dalam tempoh masa itu ia memadai untuk T1 dan T2 melakukan pembunuhan itu dan kembali ke rumah SD3 sebelum SD3 bangun untuk solat subuh pada jam 6 pagi. Saya juga mengambil kira jarak rumah SD3 dengan rumah T1 jarak yang dekat iaitu satu kampung.

[102] Saya bersetuju SD3 merupakan kakak kepada T2 merupakan saksi yang berkepentingan. Keteranganya perlu diteliti secara berhati-hati. Saya berpendapat SD3 hanya mengingati rancangan TV jam 8.30 malam kerana telah diketahui umum ia menyiarkan berita. Sebaliknya SD3 tidak ingat apa rancangan TV dari jam 10.30 malam hingga 12 malam. Sekiranya benar, sudah pasti SD3 dapat mengingati apa rancangan TV. Begitu juga, mengikut SD3 kunci hanya ada satu yang dipegang oleh SD3. Saya berpendapat agak meragukan T2 yang duduk bersama kakaknya tidak ada kunci rumah. SD: 3 juga menyatakan T2 ada bilik sendiri tetapi selalu tidur di ruang tamu. Saya berpendapat agak tidak logik T2 yang mempunyai bilik tidur di ruang tamu. Tambahan pula ketika itu T2 membawa T1 bersama ke rumah SD3 pada malam itu.

[103] Saya berpendapat SD3 dalam keterangannya sekadar menyokong pembelaan alibi iaitu T1 dan T2 pada tempoh masa pembunuhan si mati, mereka tidak berada di tempat pembunuhan sebaliknya berada di rumah SD3. Saya bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar iaitu sekirnya benar T1 dan T2 berada di rumahnya dalam tempoh masa pembunuhan, SD3 sepatutnya membuat laporan polis secepat mungkin memberitahu fakta ini. SD3 hanya membangkitkan kononnya T1 dan T2 berada di rumahnya sepanjang malam sehinggalah T1 balik ke rumah apabila T1 dan T2 di arahkan untuk membela diri di akhir kes pendakwaan.

[104] Saya juga telah menimbangkan keterangan SP22 yang tidak dicabar oleh pembelaan iaitu T1 dan T2 pada 12 September 2015 jam lebih kurang jam 4 petang ada menunjukkan tempat si mati dibuang. SP22 dalam keterangannya menyatakan seperti berikut:

> S: Seterusnya pada 12/9/2015, jam lebih kurang 4.00 petang, ada kamu pergi kemana-mana?
>
> J: Ya, ada. Dimana pada petang tarikh tersebut, saya berpandukan kepada OKT iaitu Muhammad Jazree, Mohd Naim dan Rahim telah pergi ke Jalan Dato' Ali berdekatan dengan kolam memancing. Di mana saya telah dipandu oleh OKT menunjukkan tempat dimana mangsa atau si mati telah dibuangkan.
>
> (Nota Keterangan — muka surat 440).

[105] Saya berpendapat T1 dan T2 dalam pembelaan alibinya gagal mencabar keterangan SP22 dimana tindakan T1 dan T2 membawa SP22 dan menunjukkan tempat si mati dibuang. Saya berpendapat keterangan ini boleh diterima masuk di bawah s 27 Akta Keterangan 1950. T1 dan T2 dalam pembelaannya tidak pernah mempertikaikan keterangan ini. Saya berpendapat pembelaan alibi T1 dan T2 gagal menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan. Saya berpuas hati T1 dan T2 berada di tempat kejadian pada masa dan tarikh yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan (P98).

[106] Peguam T1 dan T2 yang terpelajar dalam hujahannnya secara panjang lebar menghujahkan SP11 merupakan pelaku utama yang menyebabkan kecederaan atas si mati. SP11 dikatakan ada perasaan marah ke atas si mati, apabila si mati mengambil kekasih SP11 iaitu SP12. Saya berpendapat percubaan T1 dan T2 untuk mengalihkan pandangan mahkamah kepada SP11 ia tidak berhasil. SP14 iaitu Dr Nor Amirah telah mengesahkan ada kemungkinan si mati disebabkan lemas. Si mati bukannya mati disebabkan kesan pukulan atau kecederaan fizikal atas si mati. Sebaliknya si mati telah diikat kedua-dua pergelangan tangannya dibahagian hadapan dan dicampakkan ke dalam sungai berhampiran Jalan Dato' Ali.

[107] Saya telah meneliti secara keseluruhan kes semasa diperingkat kes pendakwaan, T1 dan T2 merupakan orang yang terakhir bersama si mati. T1 dan T2 secara niat bersama telah melakukan pembunuhan atas si mati. Pembelaan T1 dan T2 gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan.

[108] Saya telah meneliti pembelaan T1 berkaitan motor si mati yang di rongkai bagi tujuan untuk dicat. Sepanjang kes pendakwaan, T1 tidak pernah mencadangkan atau membangkitkan si mati ada meminta T1 untuk merongkai motosikal kononnya untuk dicat. T1 dalam pembelaannya cuba memberikan penjelasan mengapa motosikal si mati ditemui dalam keadaan

sebegitu. Saya berpendapat T1 telah melakukannya semata-mata untuk menghapuskan motosikal si mati daripada dikesan selepas pembunuhan dilakukan. Cerita si mati meminta T1 untuk merongkai motosikal dan bagi tujuan dicat adalah rekaan T1 semata-mata.

KESIMPULAN

[109] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, saya berpendapat T1 dan T2 bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan pindaan (P98). Saya memerintahkan T1 dan T2 dijatuhkan hukuman gantung di leher sehingga mati pada tarikh, masa dan tempat yang akan ditentukan kelak.

Order accordingly.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor